




dikelola sepenuhnya oleh Tabung Haji di bawah Bahagian Bimbingan mengikut peruntukan Akta Tabung Haji 1995.


Sebelum menunaikan ibadat haji, jemaah haji Malaysia diwajibkan untuk menghadiri beberapa siri kursus yang telah disusun oleh Bahagian Bimbingan Tabung Haji. Ia bermula dari Kursus Asas Haji (KAH) sebanyak 16 siri. Diikuti dengan Kursus Intensif Haji (KIH) yang diadakan setelah tamat KAH. Seterusnya jemaah haji diwajibkan menghadiri Kursus Perdana Haji (KPH) yang menghimpunkan kesemua jemaah haji mengikut negeri masing-masing. KPH adalah kursus yang terakhir sebelum jemaah haji menunaikan haji. Semasa menghadiri KIH, jemaah haji dikehendaki menduduki sesi ujian bertulis untuk mengetahui tahap pemahaman mereka terhadap konsep dan perjalanan ibadat haji. Keputusan ujian bertulis yang telah dilakukan ke atas 17,283 orang calon jemaah haji pada tahun 2012 menunjukkan peratusan kelulusan yang tinggi, iaitu sebanyak 91% berbanding mereka yang gagal berjumlah 4%. Baki 5% adalah mereka yang didapati telah lanjut usia dan tidak tahu membaca dan menulis. Rajah 1 menerangkan keputusan ujian kursus intensif haji bagi tahun 2012.



Sumber: Bahagian Bimbingan Tabung Haji, Kuala Lumpur

#### Rajah 1 Analisis keputusan ujian kursus intensif haji 1433H/2012M

Semasa pelaksanaan ibadat haji pula satu fenomena sebaliknya telah berlaku. Pejabat Pakar Rujuk Tabung Haji telah mencatat sebanyak 4,318 soalan yang telah dikemukakan kepada Pembimbing Ibadat Haji Tanah Suci (PIHTAS) pada musim haji 1433H/2012 yang lalu. Jumlah tersebut menunjukkan bahawa pemahaman secara teori di tanah air masih belum dapat memberi gambaran sebenar dalam pelaksanaan ibadat haji. Selain soalan-soalan dikemukakan secara bersemuka kepada PIHTAS, jemaah haji juga diberi kemudahan untuk menyalurkan permasalahan melalui Talian Khidmat Ibadat Haji (TAIB) semasa berada di Makkah bermula tahun 2012. Sebanyak lebih 1,226 soalan telah dikumpulkan melalui talian TAIB. Justeru, jumlah soalan berkaitan ibadat haji menjangkau 5,544 soalan sepanjang musim haji 1433H/2012. Rajah 2 menunjukkan pecahan permasalahan yang telah dikemukakan oleh jemaah haji pada musim haji 1433H/2012M



Sumber: Bahagian Bimbingan Tabung Haji, Kuala Lumpur

#### Rajah 2 Statistik persoalan ibadat haji musim haji 1433H/2012

Permasalahan larangan ihram menjadi persoalan yang paling tinggi dalam kalangan jemaah haji Malaysia. Diikuti dengan permasalahan haid, Tawaf dan Dam. Ke semua permasalahan tersebut telah pun diterangkan secara jelas semasa kursus-kursus KAH, KIH dan KPH. Namun begitu, ianya masih lagi ditimbulkan dalam kalangan jemaah haji semasa melaksanakan ibadat haji di tanah suci Makkah. Justeru itu, kajian ini berperanan menilai semula kefahaman jemaah haji Malaysia terhadap pelaksanaan ibadat haji ketika mereka berada di tanah suci Makkah. Apakah punca yang menyebabkan mereka masih mempersoalkan permasalahan ibadat haji yang telah mereka pelajari semasa mengikuti kursus-kursus haji di tanah air.

Kajian kuantitatif yang berfokus kepada tahap kefahaman pelaksanaan ibadat haji dalam kalangan jemaah haji Malaysia ini dilakukan ke atas jemaah haji Malaysia yang menunaikan haji bersama pakej Nilam Tabung Haji Travel & Services pada musim haji 1433H/2012M. Ia berteraskan kepada objektif seperti berikut:

- (1) Mengkaji pemahaman jemaah haji Malaysia mengenai pelaksanaan ibadat haji di Mekah.
- (2) Mengenal pasti tahap kepuasan jemaah dalam melaksanakan ibadat haji di Mekah.
- (3) Mengetahui kesediaan jemaah haji untuk menerima pendekatan visual dalam bimbingan haji.

Melalui kajian ini, jemaah haji didapati mengalami masalah dari sudut gambaran sebenar pelaksanaan ibadat tersebut. Kegagalan untuk mendapat gambaran yang jelas ini menyebabkan mereka menimbulkan banyak permasalahan ibadat dan akhirnya menyumbang kepada rasa was-was dan tidak puas dalam melaksanakan ibadat tersebut. Oleh yang demikian, kaedah penerapan ilmu mengenai pelaksanaan ibadat haji perlu dipertingkatkan dengan mengambil kira perkembangan semasa suasana dan teknologi masa kini.

## ■2.0 JEMAAH HAJI MALAYSIA DAN PELAKSANAAN IBADAT HAJI: SATU PERKEMBANGAN

Pelaksanaan ibadat haji dalam kalangan masyarakat Melayu telah bermula sejak kedatangan Islam di tanah Melayu pada awal kurun ke-7 (Ibrahim *et al.*, 1987). Bermula dari perjalanan haji yang dikelola oleh syeikh-syeikh haji sehinggalah ia berkembang dengan tertubuhnya badan rasmi yang mengurus pemergian haji jemaah haji Malaysia. Perbincangan mengenai perkembangan pelaksanaan ibadat haji dilihat dari kurun ke-18 hingga kurun ke-20.

### 2.1 Pelaksanaan Ibadat Haji Kurun Ke-18

Di Tanah Melayu, perbincangan terhadap ilmu ibadat haji telah bermula seawal tahun 1880-an. Beberapa penulisan awal telah menceritakan kisah perjalanan ibadat haji orang Melayu yang menjadi sumber pembelajaran haji pada ketika itu (Aiza, 2009). Sheikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani adalah di antara ulama nusantara yang terawal memuatkan perbincangan mengenai ibadat haji berdasarkan panduan dalam mazhab Syafie. Beliau yang pernah menuntut selama 30 tahun di Makkah telah mencurahkan ilmu melalui pengamatan pelaksanaan ibadat haji selama berada di tanah suci Makkah (McDonnell, 1986). Haji Wan Abdul Samad Bin Muhammad Salih atau lebih dikenali dengan nama Tuan Tabal turut menyumbang kepada perkembangan ilmu fiqh mazhab Syafie di Kota Bharu, Kelantan setelah menamatkan pengajiannya di Makkah. Beliau bertapak di perkampungan Tok Semian yang akhirnya diberi gelaran ‘*Mantiqah ‘Ilm*’ menjadi sumber rujukan masyarakat Melayu setempat dalam pengajian hukum-hakam termasuk aspek ibadat haji (Ahmad Zaki dan Mohd Roslan, 2009).

Raja Ahmad iaitu putera raja dari kesultanan Riau pula berkongsi pengalaman mengerjakan haji ketika mengetahui rombongan haji sekitar tahun 1860-an dan telah menggunakan khidmat Syeikh Mushafi sebagai agen untuk mengurus perjalanan haji. Semasa di Makkah, Raja Ahmad dan rombongan telah berpeluang berjumpa dengan syeikh-syeikh Makkah dan Mufti Shafie di Makkah. Beliau juga telah membeli dua buah rumah dan sebidang tanah kebun untuk diwaqfkan untuk keperluan jemaah haji yang akan datang. Tindakan ini dilihat sebagai signifikan perjalanan haji Raja Ahmad dalam tradisi haji masyarakat Melayu (Matheson dan Milner, 1982). Munshi Abdullah turut berkongsi pengalaman mengerjakan haji melalui karyanya *Pelayaran Ka-Judah*. Munshi Abdullah telah memberi satu pendekatan baru dalam pelaksanaan ibadat haji dimana beliau menekankan unsur pengorbanan, ketaatan dan ketulusan dalam beribadat khususnya dalam ibadat haji (Matheson dan Milner, 1982). Selain Raja Ahmad dan Munshi Abdullah, nama-nama yang pernah dicatat sebagai orang Melayu terawal menunaikan haji sekitar kurun ke-18 adalah Syed Muhammad Bin Zainal Abidin Al-Idris, Mohamad Yusuf Bin Abdullah atau lebih dikenali sebagai ‘Tok Kenali’ dan Wan Hussain Bin Mohd Nasir Bin Mohd Taib Al-Mas’uud Al-Banjari (Ibrahim *et al.*, 1987).

### 2.2 Pelaksanaan Ibadat Haji Kurun Ke-19

Menjelang tahun 1930-an, perjalanan haji dalam kalangan masyarakat Melayu mula dipelopori oleh syeikh haji melalui perjalanan kapal laut. Melihat kepada peluang perniagaan, perjalanan haji mula dieksploitasi oleh syeikh-syeikh haji sehingga mereka tidak mengutamakan kebajikan bakal jemaah haji termasuk dari sudut bimbingan (Sharifah, 2005)

Fenomena ini mendapat tentangan dari kalangan guru-guru agama yang perihatin terhadap kebajikan bakal jemaah haji seperti Sayyid Sheikh Al-Hadi dari Singapura dan Haji Abdullah Ahmad dari Makkah. Mereka melalui penulisan masing-masing sekitar

tahun 1936 telah mengkritik pengurusan perjalanan haji yang dikelola oleh syeikh haji pada ketika itu (Sharifah, 2005).

Dalam kemelut pengelolaan pengurusan haji dalam kalangan bakal haji nusantara, Salih Muhammad Jamal (1949H) telah menyumbang penulisan mengenai panduan ibadat haji mengikut perkembangan semasa dengan mengambil kira penambahbaikan dalam penulisan-penulisan sarjana Islam terdahulu. Penulisan beliau melalui kitab *Dalil al-Hajj al-Musawwar Wa Manasik al-Hajj* adalah di antara penulisan awal yang menggabungkan kaedah tekstual dan ilustrasi.

Pada tahun 1949, sebuah jawatankuasa penasihat bagi lembaga haji pada taraf bersekutu ditubuh. Ia yang bertujuan untuk menyusun kembali pentadbiran dalam penyelenggaraan bakal-bakal haji. Di antara peranan jawatankuasa tersebut adalah melantik guru-guru agama untuk memberi tunjuk ajar dan penerangan kepada bakal-bakal haji semasa dalam perjalanan (Ibrahim *et al.*, 1987). Namun begitu, jawatankuasa penasihat bagi lembaga haji telah gagal mengurus pentadbiran haji dan akhirnya urusan pemergian haji bakal jemaah haji tanah Melayu diserahkan kepada kerajaan negeri dan pejabat daerah masing-masing pada tahun 1951. Ini kerana memandangkan wujud kesukaran dari sudut penetapan harga perjalanan haji kapal laut pada ketika itu (Ibrahim *et al.*, 1987).

Ketidakstabilan pengurusan haji pada ketika itu tidak menghalang Harun Aminurrashid untuk mengerjakan haji pada tahun 1960. Beliau turut menyumbang pengalaman dalam mengerjakan haji melalui karyanya *Chatetan Ka-Tanah Suchi*. Beliau berkongsi pengalaman pahit dan manis semasa berada di atas kapal laut yang diberi nama Ashnun semasa menuju ke Jeddah. Ketika menunaikan haji, beliau turut mencatat pengalaman semasa berada di padang Arafah dari sudut kemasyarakatan dan sosio-ekonomi (Matheson dan Milner, 1982)

Kaedah pengajaran ibadat haji berbentuk satu hala (*one way communication*) melalui perkongsian pengalaman ini berterusan sehinggalah tertubuhnya Lembaga Urusan Tabung Haji (LUTH) pada tahun 1963 (Akta 535, 2006). Pada peringkat awal, bimbingan ibadat haji masih mewarisi kaedah lama iaitu pengajaran berdasarkan kitab-kitab yang terkenal oleh Guru-Guru Agama Haji. Sehinggalah apabila tertubuhnya Bahagian Bimbingan Tabung Haji yang bertanggungjawab mengurus pembelajaran ibadat haji jemaah haji Malaysia, kaedah pengajaran mula dipertingkatkan. Bakal jemaah haji diberi penerangan mengenai ibadat haji selama 2 jam sehari untuk tempoh 2 hari. Sebulan sebelum perjalanan bakal-bakal haji, surat khabar, televisyen dan stesyen-stesyen radio juga diarah untuk menerbit dan menyiarkan artikel dan program mengenai ibadat haji yang ditulis dan diterbitkan oleh pegawai-pegawai Lembaga Tabung Haji (Ibrahim *et al.*, 1987).

### 2.3 Pelaksanaan Ibadat Haji Kurun Ke-20

Sebagai sebuah badan berkanun yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus kebajikan jemaah haji Malaysia, Tabung Haji melalui Bahagian Bimbingan telah mengemaskini kaedah bimbingan ibadat haji dalam kalangan jemaah haji Malaysia. Selain kursus bimbingan haji kepada jemaah haji, Bahagian Bimbingan turut mengadakan kursus-kursus pengukuhan kepada Pengkursus Ibadat Haji Tanah Air (PEKTA) dan Pembimbing Ibadat Haji Tanah Suci (PIHTAS) (Lembaga Tabung Haji, 2012). Bagi menyelaraskan hukum-hakam dalam kalangan PEKTA dan PIHTAS, Resolusi Muzakarah Haji Kebangsaan diterbitkan pada setiap tahun. (Lembaga Tabung Haji, 2012)

Melalui penyelarasan ini, Bahagian Bimbingan Tabung Haji telah menggariskan secara jelas konsep-konsep haji dari sudut rukun, wajib dan kaedah pelaksanaan ibadat haji melalui penulisan Panduan Ibadat Haji Umrah Dan Ziarah (2009). Mahamad Che

Ngah & Md Daud Che Ngah (2008/1938) memberi sumbangan melalui kaedah adaptasi dari penulisan Syeikh Hassan Mohammad Nur Fatani dan Syeikh Adam Abdullah Kelantan. Muhd Najib Abdul Kadir dan Abdul Salah Yussof (2012) menambah amalan-amalan sunat serta fadilat-fadilat dalam ibadat haji seperti penekanan amalan tolong-menolong dalam mengerjakan haji, sebaik-baik doa di hari Arafah, hari haji Akbar dan amalan Sahabat ketika menunaikan haji.

Selain kefahaman berbentuk konsep ibadat haji, perbincangan berbentuk soal jawab ibadat turut mendapat tempat dalam kaedah pelaksanaan ibadat haji. Ia bersifat menyelesaikan masalah-masalah yang dikemukakan oleh jemaah haji semasa mengerjakan haji. Bahagian Bimbingan Tabung Haji (1984), Muhammad Najmuddin Zuhdi dan Muh. Luqman Arifin (2008), Zahazan Mohamed (2008), Mohammad Nidzam Abdul Kadir (2010) dan Prof Dr Nasaruddin Umar telah berkongsi lebih 100 permasalahan ibadat haji yang diutarakan oleh jemaah haji Malaysia semasa mereka menunaikan ibadat tersebut.

Pelaksanaan ibadat haji turut mendapat tempat dalam kalangan sarjana sains dan teknologi. Setyawan dan Muhammad Shafie (2007) memperkenalkan kaedah pelancongan visual (*Visual Tours*) sebagai persediaan awal untuk mendapatkan gambaran suasana ketika melakukan ibadat melontar jamrah. Ossy (2010) pula menengahkan kaedah kelakuan pemanduan (*steering behavior*) semasa mengerjakan ibadat tawaf. Pendekatan teknologi terus diperluaskan oleh Nur Zuraifah, Mohd Shafry dan Mashitah (2011) melalui pendekatan haji maya (*virtual haji*) yang sebagai persediaan awal jemaah haji untuk mendapatkan gambaran sebenar dalam ibadat tawaf. Cadangan membangunkan *V-Hajj* diutarakan dalam penulisan ini. Mohd Shafry, Ahmad Zakwan Azizul, Ahmad Hoirul, Arief Salleh, Tamar Jaya & Farah Wahida (2011) pula menyumbang idea membangunkan sistem *V-Hajj* dengan nilai tambah dari sudut pembangunan sistem simulasi 3 dimensi (3D) dalam ibadat tawaf. Curtis, Guy, Zafar dan Manocha (2011) menyokong idea dalam pembangunan *Virtual – Tawaf* melalui satu kajian kes ke atas instrumen simulasi semasa tawaf. Mereka mendapati bahawa beberapa keadaan semasa tawaf adalah bersifat kritikal iaitu semasa melakukan pusingan tawaf, mencium batu *al-Hajr al-Aswad*, ketika istilam dan ketika jemaah hendak keluar dari kawasan tawaf. Zarita dan Aik (2012) pula mengemukakan teori pengelolaan simulasi tawaf melalui teknik *Cellular Automata (CA)* yang lebih memfokus kepada pendekatan neural. Cetusan-cetusan idea berbentuk pendekatan visual menunjukkan bahawa peranan pendekatan ini dilihat sebagai agen penting untuk pembangunan bimbingan haji. Ia perlu kepada kombinasi idea-idea pendekatan visual secara total agar ibadat haji dapat dilihat dan dihayati dari dimensi yang lebih luas.

### 3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilakukan ke atas jemaah haji Tabung Haji Travel & Services dari pakej haji Nilam pada musim haji 1433H/2012M. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik. Sebanyak 100 naskah borang soal selidik telah diedarkan dan kadar respon yang diperolehi adalah 52%, iaitu 52 orang. Soal selidik yang digunakan mengandungi enam bahagian, iaitu Bahagian A, B, C, D, E dan F. Bahagian A bertujuan untuk mendapatkan maklumat demografi responden. Bahagian B dan C adalah mengenai maklumat kefahaman melaksanakan ibadat haji. Bahagian D dan E adalah berkaitan permasalahan dan pendekatan IT dalam ibadat haji. Bahagian ini memerlukan responden mengisi ruangan yang disediakan dengan menggunakan skala Likert 5-mata dari 1 (Sangat setuju), 2 (Setuju), 3 (Kurang Setuju), 4 (Tidak setuju) dan 5 (Sangat tidak setuju). Bahagian F adalah data

kualitatif berbentuk *open-ended question* untuk mendapatkan maklumat dan cadangan umum jemaah haji. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian SPSS 16 secara deskriptif.

## 4.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


### 4.1 Demografi

Secara demografi, responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 52 orang jemaah haji musim haji 1433H/2012M yang terdiri daripada 25 orang lelaki dan 27 orang perempuan. Daripada jumlah tersebut, mereka yang berada dalam lingkungan umur 40 – 49 tahun adalah yang paling ramai melibatkan diri dalam kajian ini manakala mereka yang berumur 50 ke atas adalah golongan yang paling sedikit, iaitu hanya 3 orang sahaja. Jadual 1 menunjukkan taburan responden mengikut jantina dan umur bagi kajian ini.

Jadual 1 Jantina dan umur responden

Jantina	Umur				Total
	18 – 29	30 – 39	40 – 49	50 – ke atas	
Lelaki	2	3	17	3	25
Perempuan	1	7	19	0	27
Total	3	10	36	3	52

Penglibatan responden juga dilihat daripada perspektif latar belakang pekerjaan mereka. Kebanyakan responden adalah dalam kalangan jemaah haji yang bekerja dengan kadar taburan 28.8% kakitangan kerajaan, 28.8% bekerja dengan syarikat swasta dan 26.9% bekerja sendiri. Pelajar dan pesara masing-masing mencatat 3.8% dalam taburan responden kajian ini. Rajah 3 adalah carta pie menunjukkan taburan responden mengikut pekerjaan.



Rajah 3 Taburan responden mengikut pekerjaan

### 4.2 Kefahaman Ibadat Haji Melalui Kursus-Kursus Yang Telah Dihadiri


Bagi mengetahui tahap pemahaman jemaah haji, data mengenai kehadiran mereka dalam kursus-kursus KAH, KIH dan KPH perlu diketahui. Dapatan kajian seperti dalam Jadual 2 menunjukkan bahawa nilai min adalah 1.44 pada skala 1 dan 2 iaitu pernah dan tidak pernah menghadiri kursus. Ini bererti lebih ramai responden yang telah menghadiri kursus sebelum menunaikan ibadat haji di

Makkah. Walau bagaimanapun, kehadiran responden dalam KAH adalah paling rendah dengan nilai min 1.25. Ini bererti responden tidak menjalani kursus sebanyak 16 siri yang membincangkan secara mendalam konsep-konsep ibadat haji. Kehadiran responden mencatat jumlah yang paling tinggi pada KPH dengan nilai min 1.60 kerana ia adalah persiapan akhir bakal jemaah haji sebelum berlepas ke tanah suci.

**Jadual 2** Min dan sisihan piawai kursus dan taklimat yang pernah dihadiri oleh jemaah haji

Bil	Pernyataan	Min	Sisihan Piawai
1	Pernah menghadiri Kursus Asas Haji (KAH)	1.25	0.437
2	Pernah menghadiri Taklimat Haji	1.37	0.488
3	Pernah menghadiri Kursus Intensif Haji (KIH)	1.54	0.503
4	Pernah menghadiri Kursus Perdana Haji (KPH)	1.60	0.495
Keseluruhan		1.44	0.312

Rajah 4 menjelaskan tahap kepuasan jemaah haji terhadap ceramah yang telah disampaikan oleh PEKTA dalam siri ceramah KAH, KIH dan KPH. Sebanyak 73.1% jemaah haji menyatakan bahawa ceramah yang telah disampaikan adalah cemerlang dan 21.2% menyatakan ia adalah memuaskan. Hanya 5.8% sahaja yang beranggapan ceramah tersebut adalah lemah. Data ini menyokong anggapan bahawa jemaah haji memahami pelaksanaan ibadat haji secara teori melalui ceramah-ceramah yang telah disampaikan dalam kursus-kursus yang dihadiri sebelum menunaikan ibadat haji di tanah suci Makkah.



**Rajah 4** Kepuasan jemaah haji terhadap ceramah yang telah dihadiri

### 4.3 Gambaran Sebenar Pelaksanaan Ibadat Haji

Setelah membuat persiapan berbentuk teori ibadat haji, jemaah haji akan mempraktikkan teori tersebut di tanah suci Makkah melalui pelaksanaan ibadat haji. Dapatan kajian menunjukkan bahawa jemaah haji masih tidak mendapat gambaran yang jelas mengenai pelaksanaan ibadat tersebut sebagaimana yang dijelaskan dalam Jadual 3.

**Jadual 3** Min dan sisihan piawai gambaran pengalaman haji sebenar

Bil	Pernyataan	Min	Sisihan Piawai
1	Gambaran pengalaman haji sebenar berbeza	3.44	0.998

Skor min 3.44 berada pada titik kurang setuju pada skala likert 1 hingga 5 yang mewakili 1 (Sangat setuju), 2 (Setuju), 3 (Kurang setuju), 4 (Tidak setuju) dan 5 (Sangat tidak setuju). Ini bererti masih ramai responden kajian yang kurang mendapat gambaran sebenar mengenai suasana pelaksanaan ibadat haji walaupun ketika menghadiri kursus, mereka telah dipaparkan audio visual mengenai ibadat haji.

### 4.4 Kekeliruan Dalam Pelaksanaan Ibadat Haji

Oleh sebab kurang jelas gambaran mengenai pelaksanaan ibadat haji, ia menyumbang kepada kekeliruan dan ketidaksempurnaan dalam pelaksanaannya. Jadual 4 menjelaskan dapatan data dari responden mengenai kekeliruan dan ketidaksempurnaan jemaah ketika melaksanakan ibadat haji

**Jadual 4** Min dan sisihan piawai tahap kekeliruan dan ketidaksempurnaan pelaksanaan ibadat haji

Bil	Pernyataan	Min	Sisihan Piawai
1	Tidak dapat melaksanakan rukun dan wajib haji dengan sempurna	3.71	1.000
2	Melakukan wajib haji tanpa ragu dan keliru	1.33	.513

Kedua-dua pernyataan di atas diukur menggunakan skala likert dengan ukuran 1 (Sangat setuju), 2 (Setuju), 3 (Kurang setuju), 4 (Tidak setuju) dan 5 (Sangat tidak setuju). Nilai skor min 4.04 pada pernyataan tidak dapat melakukan rukun dan wajib haji dengan sempurna berada pada titik tidak setuju. Walaupun majoriti responden tidak setuju dengan kenyataan itu, namun masih ada dalam kalangan responden yang berada pada titik sangat setuju dan setuju bahawa mereka tidak dapat melakukan rukun dan wajib haji dengan sempurna. Jumlah minoriti ini adalah sebanyak 21.2% dari jumlah keseluruhan responden. Demikian juga kenyataan melakukan wajib haji tanpa ragu dan keliru yang berada pada nilai skor min 1.33 iaitu pada tahap sangat setuju. Namun masih terdapat jemaah haji yang menyatakan bahawa mereka masih ragu-ragu dan keliru dengan pelaksanaan yang telah dilakukan iaitu sebanyak 30.7% dari jumlah keseluruhan responden.

### 4.5 Kepuasan Jemaah Haji Terhadap Pelaksanaan Ibadat Yang Telah Dilakukan

Kekeliruan dan ketidaksempurnaan pelaksanaan ibadat haji menyebabkan jemaah haji merasa tidak puas dan berkeinginan untuk mengerjakan haji untuk kali seterusnya. Jadual 5 menjelaskan dapatan data mengenai tahap kepuasan jemaah haji setelah melakukan ibadat haji dan kekerapan responden yang melakukan dam was-was kerana kluatir rukun atau wajib haji yang dilakukan adalah rosak.


**Jadual 5** Tahap kepuasan pelaksanaan haji dan dam was-was dalam kalangan jemaah haji

Bil	Pernyataan	Min	Sisihan Piawai
1	Belum merasa puas, masih terkilan, ingin mengerjakan haji lagi	2.10	1.176
2	Membayar dam rukun atau wajib yang dikhuatiri tidak sempurna	1.48	0.804

Bagi kenyataan belum merasa puas, masih terkilan dan ingin mengerjakan haji lagi, nilai skor min adalah 2.10 iaitu pada titik skala setuju dalam rangkaian skala likert yang telah ditentukan. Jemaah haji didapati belum merasa puas terhadap pelaksanaan ibadat haji yang telah mereka lakukan. Oleh sebab itu, mereka berhasrat untuk melakukan dam rukun atau wajib yang dikhuatiri tidak sempurna. Nilai skor min bagi kenyataan tersebut adalah 1.48 iaitu pada titik sangat setuju. Dam rukun atau wajib yang dikhuatiri tidak sempurna termasuk dalam kategori dam was-was yang tiada landasan yang sah dalam hukum syarak. Situasi ini telah dimaklumkan kepada jemaah haji semasa kursus-kursus di tanah air dan tanah suci.

#### 4.6 Jemaah Haji Perlu Diingat Semula Tentang Pelaksanaan Ibadat Haji

Situasi tidak ada gambaran jelas yang menyebabkan pelaksanaan haji kurang sempurna, seterusnya menyumbang kepada ketidakpuasan terhadap pelaksanaan haji akhirnya menjadikan jemaah haji tiada keyakinan diri dan mereka merasa perlu diperingatkan semula untuk memastikan ibadat haji yang dilakukan adalah betul. Frekuensi bagi kenyataan ini diperjelaskan dalam Rajah 5.



**Rajah 5** Frekuensi jemaah haji melakukan haji tanpa perlu diingatkan semula

Dapatan kajian mendapati bahawa taburan frekuensi responden dalam kenyataan ini adalah sebanyak 50% kurang setuju dan 5.8% tidak setuju. Manakala baki 44.2% adalah bersetuju dengan kenyataan mampu melaksanakan haji tanpa diperingatkan semula. Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap keyakinan jemaah haji dalam melaksanakan ibadat haji masih rendah kerana mereka memerlukan bimbingan dan peringatan semula untuk menyempurnakan ibadat haji.

Justeru itu, kajian ini juga mengambil peluang untuk mendapatkan respon dari jemaah haji mengenai kesediaan mereka untuk menerima pakai kemudahan elektronik dan visual dalam pembelajaran haji pada masa akan datang. Jadual 6 menjelaskan dapatan data mengenai penglibatan jemaah haji dalam penggunaan

peralatan elektronik dan kesediaan mereka untuk menerima kaedah pembelajaran secara visual.

**Jadual 6** Min dan sisihan piawai pendekatan visual membantu bimbingan ibadat haji

Bil	Pernyataan	Min	Sisihan Piawai
1	Perisian 3D dapat membantu jemaah haji dalam pelaksanaan ibadat tersebut	1.08	0.555
2	Studio haji maya ( <i>Virtual Hajj</i> ) dan simulasi haji dapat membantu meningkatkan pemahaman jemaah haji	1.08	0.555
3	CD, Internet dan seumpamanya dapat membantu menyelesaikan masalah dalam ibadat haji	1.29	0.893
4	Peralatan elektronik seperti Iphone, Ipad, Samsung tab, Samsung Galaxy, telefon pintar banyak membantu	2.18	1.841
Keseluruhan		1.40	0.661

Dalam bahagian ini, responden menjawab beberapa soalan berdasarkan skala Likert 1 hingga 5 yang mewakili 1 (Sangat setuju), 2 (Setuju), 3 (Kurang setuju), 4 (Tidak setuju) dan 5 (Sangat tidak setuju). Dapatan kajian seperti dalam Jadual 8 menunjukkan bahawa secara keseluruhan nilai min adalah 1.40 dengan sisihan piawai 0.661 berada pada titik sangat setuju dalam pendekatan visual. Jemaah haji sangat menerima cadangan penambahbaikan bimbingan haji melalui kaedah visual. Responden juga turut mencatat nilai min 1.08 iaitu sangat bersetuju dengan penggunaan perisian 3D, studio haji maya (*Virtual Hajj*) dan simulasi haji untuk membantu mendapatkan gambaran sebenar dalam pelaksanaan ibadat haji. Mereka juga didapati telah bersedia dengan peralatan elektronik apabila dapatan kajian mendapati nilai min bagi pernyataan CD, internet dan seumpamanya membantu menyelesaikan masalah ibadat haji adalah 1.29.

#### 5.0 RUMUSAN

Kajian ini membuka dimensi baru dalam bimbingan ibadat haji melalui pendekatan visual. Pendekatan ini telah mendapat sokongan yang tinggi dalam kalangan jemaah haji apabila mereka menyatakan sokongan sangat setuju pembelajaran haji menggunakan perisian dan peralatan elektronik. Justeru model-model bersifat prototaip yang telah dibina seperti model simulasi 3D ibadat Tawaf oleh Mohd Shafry, Ahmad Zakwan, Ahmad Hoirul, Arief Salleh, Tamar Jaya & Farahwahida (2011) perlu dibangunkan dan diaplikasikan dalam bimbingan haji masa kini. Demikian juga model kaedah *Virtual Hajj Environment* (VHE) dalam ibadat melontar yang diutarakan oleh Widyarto dan Abdul Latiff (2007) boleh menyumbang kepada pembangunan pendekatan visual dalam bimbingan ibadat haji

Selain itu, kajian ini memberi ruang dan peluang kepada pengkaji-pengkaji lain untuk memberi sumbangan berbentuk idea dan material yang mampu mempertingkatkan kefahaman jemaah haji pada masa akan datang.

## Rujukan

- [1] Akta Tabung Haji 1995. 10.
- [2] Ahmad Zaki Berahim@Ibrahim & Mohd Roslan Mohd Nor. 2009. Tuan Tabal (M.1891) Dan Sumbangannya Dalam Perkembangan Islam Di Tanah Melayu. *Jurnal Universiti Malaya*. 139.
- [3] Aiza Maslan. 2009. *Dari Tabung Buluh Ke Tabung Haji: Sejarah Pengerjaan Haji Orang Melayu 1850-1984*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya. Tesis Doktor Falsafah.
- [4] Al-Ghazzāliyy, Hamid Muhammad. 1998. *Ihya Ulum Al-Din. Kitab Asrar Al-Hajj, al Bab al-Thalith fi al-Adab al-Daqiqat wa al-A'mal al-Batinah*. Beirut: Dar Al-Kutub al-Ilmiyah. (1):250
- [5] Curtis, Sean., Guy, Stephen J., Zafar, Basim & Manocha, Dinesh. 2011. Virtual Tawaf: A Case Study In Simulating The Behaviour Of Dense, Heterogeneous Crowds. *International Conference On Computer Vision Workshops*. November 6 – 13. Barcelona, Spain. IEEE.
- [6] Ibrahim Ismail, Nofhafizan Mohd Noor, Abdul Razak Othman, Suhaina Abu Talib, Roziana Othman & Lina Muhammad. 1987. *Kaji Selidik Mengenai Penyediaan Kemudahan Dan Perkhidmatan Bagi Jemaah Haji Sebelum Dan Semasa Mengerjakan Haji Di Tanah Suci Yang Disediakan Oleh Tabung Haji*. Shah Alam, Selangor. Institut Teknologi MARA. Kajian Perniagaan Dan Pengurusan. 14: 1–5.
- [7] Lembaga Tabung Haji. 2009. *Ibadat Haji Umrah Dan Ziarah*. Selangor: Bahagian Bimbingan Jabatan Haji.
- [8] Lembaga Tabung Haji. 2009. *Soal Jawab Ibadat Haji, Umrah Dan Ziarah*. Selangor: Bahagian Bimbingan Jabatan Haji.
- [9] Lembaga Tabung Haji. (2012). Program Pembangunan Pengkursus Ibadat Haji Tanah Air (PEKTA)/Pembimbing Ibadat Haji Tanah Suci (PIHTAS). Dipetik dari <http://www.tabunghaji.gov.my/web/guest/bimbingan>.
- [10] Mahamad Che Ngah & Md Daud Che Ngah. 2008. *Bekalan Haji (Zadul Hajj)*. (Syeikh Hassan Mohammad Nur Fatani & Syeikh Adam Abdullah Kelantan). Kuala Lumpur: Darul Fikir. (Cetakan asal pada tahun 1938).
- [11] Matheson, V and Milner, A.C. 1982. *Perception Of The Haj; Five Malay Texts*. 16–23, 26–27.
- [12] McDonnell, Mary Byrne. 1986. *The Conduct Of Hajj From Malaysia And Its Socio-Economic Impact On Malay Society: A Descriptive And Analytical Study, 1860 – 1981 (Islam, Hajji, Pilgrimage, Muslims, Southeast Asia)*. Columbia University New York. Tesis Doktor Falsafah.
- [13] Mohd Shafry Mohd Rahim, Ahmad Zakwan Azizul Fata, Ahmad Hoirul Basori, Arief Salle Rosman, Tamar Jaya Nizar & Farah Wahida Mohd Yusof. 2011. Development Of 3D Tawaf Simulation For Hajj Training Application Using Environment. *International Visual Informatics Conference*. November 9–11. Bangi, Selangor, Malaysia. Springer.
- [14] Muhammad Najmuddin Zuhdi & Muh. Luqman Arifin. 2008. *125 Masalah Haji*. Solo: PT Tiga Serangkai Pustaka Mandiri.
- [15] Muhd Najib Abdul Kadir & Abdul Salah Yusof. 2012. *Rahsia Haji Falsafah Dan Hikmahnya menurut Al-Quran Dan Sunah*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- [16] Nasaruddin Umar. t.th. *100 Kesalahan Dalam Haji & Umrah*. Kuala Lumpur: SAM Synergy Media.
- [17] Nur Zurifah Othman, Mohd Shafry Mohd Rahim & Mashitah Ghazali. (2011). Integrating Perception Into V-Hajj: 3D Tawaf Training Simulation Application. *International Conference On Informatics Engineering & Information Science*. November 14–16. Kuala Lumpur, Malaysia. Springer .
- [18] Ossy Dwi Endah Wulansari. 2010. Steering Behavior Analysis And Implementatin To Simulate Crowd Tawaf Ritual On Augmented Reality Manasik. *International Conference on Distributed Framework for Multimedia Applications*. August 2–3. Jogjakarta, Indonesia. IEEE.
- [19] Sali Muhammad Jamal. .1949. *Dalil al-Hajj al-Musawwar Wa Manasik al-Hajj*. Makkah. Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah. 2<sup>nd</sup> ed. 49.
- [20] Setyawan Widyarto & Muhammad Shafie Abd Latiff. 2007. The Use Of Virtual Tours For Cognitive Preparation Of Visitors: A Case Study For VHE. *Emerald Journal*. DOI 10.1108/02632770710753316
- [21] Sharifah Ismail. 2005. The Hajj In The Malay World 1850–1950: Its Historical Dimension And Impact: Selangor. International Islamic University Malaysia. Tesis Master. 20–21.
- [22] Zahazan Mohamed & Mohammad Nidzam Abd Kadir. 2010. *Soal Jawab Remeh-Temeh Tentang Haji Tapi Anda Malu Bertanya*. Kuala Lumpur. Telaga Biru.
- [23] Zahazan Mohamed. 2009. *Soal Jawab Remeh-Temeh Tentang Umrah & Adab Ziarah Madinah Tapi Anda Malu Bertanya*. Kuala Lumpur. Telaga Biru.
- [24] Zarita Zainuddin & Aik, Lim Eng. 2012. Refined Cellular Automata Model For Tawaf Simulation. *International Symposium On Computers & Informatics*. March 18–20. Penang, Malaysia. IEEE.